



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

3 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

3 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)

Empat warga tempatan selewang diesel ditahan

Seremban: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 65,000 liter diesel dianggarkan bernilai RM139,750 dalam serbuan di satu lokasi dipercayai berlaku penyelewengan bahan api itu di Batu 18, Pasir Panjang, Port Dickson, di sini, tengah hari kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira jam 12 tengah hari itu, empat warga tempatan berusia dalam lingkungan 30 hingga 50 tahun ditahan.

Pengarah KPDNHEP Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan, berkata ketika serbuan dijalankan, pasukan penguat kuasa di Port Dickson mendapati seorang lelaki dipercayai peman-du lori tangki dalam keadaan mencurigakan.

"Lelaki itu sedang menjalankan kerja pemindahan diesel dari

tangki lori berkenaan ke sebuah kapal tangki melalui hos yang bersambungan.

"Hasil pemeriksaan dokumen dilakukan terhadap individu yang mengendalikan kapal tangki itu seterusnya mendapati pihaknya tidak mempunyai lesen daripada pengawal bekalan bagi berurusan dengan barangan kawalan berjadual," katanya dalam kenyataan, semalam.

65,000 liter diesel disita

Muhammad Zahir berkata, susulan serbuan itu dianggarkan 65,000 liter diesel disita untuk siasatan dengan nilai rampasan RM139,750.

"Turut disita sebuah kapal tangki, sebuah lori tangki dan peralatan digunakan di tempat serbuan seperti pam penyedut bahan api.

"Anggaran jumlah kesehuran nilai rampasan bagi kes ini adalah RM1,139,750. Seramai empat lelaki warga tempatan dalam lingkungan 30 hingga 50 tahun ditahan untuk membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, kejayaan kes ini hasil maklumat risikan dijalankan KPDNHEP Port Dickson berdasarkan aduan diterima daripada orang awam berhubung kegiatan itu.

"Kes akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961. Siasatan juga akan menjurus bagi mengenal pasti punca dan rantaian bekalan minyak diesel yang terbabat dalam kes ini.

"Pihak KPDNHEP Negeri Sembilan akan terus mengambil tindakan terhadap sindiket penyelewengan minyak diesel di negeri ini," katanya.



Penguat kuasa KPDNHEP memeriksa tangki mengandungi diesel di Batu 18, Pasir Panjang, Port Dickson, kelmarin. (Foto ihsan KPDNHEP)



Harga minyak masak kemasan botol lima kilogram (kg) turun 60 sen.

(Foto hiasan)

Harga minyak masak botol 5kg turun 60 sen

Penetapan harga RM30.90 berkuat kuasa Selasa hingga 7 Disember

Putrajaya: Harga minyak masak kemasan botol lima kilogram (kg) turun 60 sen kepada RM30.90, berbanding RM31.50 berkuat kuasa dari Selasa ini hingga 7 Disember ini.

Kementerian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan semalam menjelaskan, harga minyak masak kemasan botol 3kg turun kepada RM19.60 daripada RM19.90, botol 2kg (RM13.30 daripada RM13.50) dan botol 1kg (RM6.90 daripada RM7.10).

Harga kawalan

KPDNHEP memaklumkan harga baharu itu ditetapkan selepas kerajaan meneruskan kawalan harga minyak masak sawit botol yang dilaksanakan sejak 8 Ogos lalu.

"Kawalan harga ini dilaksana-

kan mengikut kaedah harga saling bergerak berdasarkan purata harga minyak sawit mentah dunia," menurut kenyataan itu.

KPDNHEP menyebut mana-mana pihak yang menjual melebihi harga maksimum boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"KPDNHEP menggalakkan pengguna menjadi mata dan telinga kepada kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang membabitkan harga runcit minyak masak sawit tulen di pasaran," katanya. **BERNAMA**

21,025 raih manfaat Food Bank Siswa

Kuala Lumpur: Seramai 21,025 siswa mendapat manfaat daripada program Food Bank Siswa meliputi 28 institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara, sehingga September lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata program itu semalam melebarkan sayap dengan pelancaran program di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak yang menjadi IPT yang ke-29 menerima manfaat inisiatif berkenaan.

Beliau berkata, program Food Bank Siswa di UiTM Cawangan Sarawak setakat ini menyantuni 831 pelajar B40 dari pelbagai bidang, selain berjaya memupuk semangat kesukarelawanan dalam kerja kebajikan.

"Sukarelawan pelajar mencurahkan bakti tenaga mereka secara sukarela untuk menguruskan 'Food Pantry', membahagikan bahan makanan, barang-barang keperluan diri dan peralatan pembelajaran kepada siswa berkenaan secara teratur dan mengawal inventori supaya bekalan tidak terputus.

"Kejayaan Food Bank Siswa UiTM Cawangan Sarawak ini di-

tunjangi oleh rakan-rakan strategik seperti Everrise dan Econsave yang sudi menghulurkan bantuan dalam bentuk keperluan siswa," katanya semalam.

Bantuan diperluas

Nanta berkata, program Food Bank Siswa kelolaan Sekretariat Food Bank Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) digerakkan sejak Februari 2019, dengan bantuan turut disalurkan kepada golongan memerlukan, termasuk B40 terpilih dan mangsa bencana alam seperti banjir.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian itu turut melaksanakan Inisiatif Teknologi Pembungkusan Secara Retort yang membabitkan industri perhotelan, catering dan pengeluar makanan berasaskan pertanian.

Sehingga kini, Nanta berkata, 12 mesin retort beroperasi di 10 lokasi terpilih dan menghasilkan lebih 3,000 pek makanan untuk diagihkan kepada golongan sasar yang dikenal pasti.

"Program Food Bank Siswa juga mendapat manfaat daripada inisiatif ini memandangkan makanan retort bersifat sedia untuk dimakan," katanya. BERNAMA



Program Food Bank Siswa berjaya memupuk semangat kesukarelawanan dalam kerja kebajikan. (Foto hiasan)

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 NOVEMBER 2022

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Nov	HARGA MINYAK MASAK 5KG TURUN KEPADA RM30.90 BERMULA SELASA	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2134485	BERNAMA
3-Nov	Nanta: Controlled price of bottled pure palm cooking oil to be continued	https://www.theborneopost.com/2022/11/02/nanta-controlled-price-of-bottled-pure-palm-cooking-oil-to-be-continued/	THEBORNEOPOST
3-Nov	Harga maksimum minyak masak botol turun, RM30.90 5kg	https://www.utusan.com.my/berita/2022/11/harga-maksimum-minyak-masak-botol-turun-rm30-90-5kg/	UM
3-Nov	Harga minyak masak 5kg turun RM30.90	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/228956	SH
3-Nov	Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry: 5kg cooking oil price drops to RM30.90 from Nov 8	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/11/02/domestic-trade-and-consumer-affairs-ministry-5kg-cooking-oil-price-drops-to-rm3090-from-nov-8/37067	MALAYMAIL
3-Nov	Minyak masak turun RM0.60	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/11/1019891/minyak-masak-turun-rm060	BH
3-Nov	Harga minyak masak 5kg turun 60 sen bermula 8 Nov	https://m.malaysiakini.com/news/642154	MALAYSIAKINI
3-Nov	Harga minyak masak 5kg turun kepada RM30.90 mulai 8 Nov	https://www.themalaysianinsight.com	THEMALAYSIANINSIGHT
3-Nov	Harga minyak masak turun lagi!	https://www.buletintv3.my/nasional/harga-minyak-masak-turun-lagi/	BULETINTV3

3-Nov	Harga minyak masak sawit tulen turun	https:// www.utusanborneo.com.my/2022/11/02/harga-minyak-masak-sawit-tulen-turun	UMBORNEO
3-Nov	Harga minyak masak turun	https:// malaysiagazette.com/2022/11/02/harga-minyak-masak-turun/	MALAYSIAGAZETTE
3-Nov	Harga minyak masak botol turun bermula Selasa	https://berita.rtm.gov.my/ index.php/semasa/50138-harga-minyak-masak-botol-turun-bermula-selasa	BERITARTM
3-Nov	Harga siling minyak masak 5kg turun 60 sen kepada RM30.90	https:// www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/11/02/harga-siling-minyak-masak-5kg-turun-60-sen-kepada-rm30-90/	FMT
3-Nov	Harga Minyak Masak Botol 5kg Turun Sehingga 60 Sen	https://rnggt.com/202225654/	RNGGT
3-Nov	Harga Minyak Masak 5kg RM30.90 bermula 8 November	https://tvstv.my/2022/11/02/harga-minyak-masak-5kg-turun-kepada-rm30-90-bermula-selasa/	TVSTV
3-Nov	Harga minyak masak 5kg turun kepada RM30.90 bermula Selasa	https://wartarakyat.com.my/ index.php/2022/11/02/harga-minyak-masak-5kg-turun-rm30-90-bermula-selasa/	WARTARAKYAT
3-Nov	Harga minyak masak 5KG turun RM30.90 bermula Selasa	https:// siakapkeli.my/2022/11/02/harga-minyak-masak-5kg-turun-kepada-rm30-90-bermula-selasa/	SIAKAPKELI
3-Nov	Harga Minyak Masak 5KG Turun Kepada RM30.90 Bermula Selasa	https:// wartaorien- tal.com/2022/11/03/harga-maksimum-minyak-masak-	WARTAORIENTAL
3-Nov	Harga maksimum minyak masak botol turun, RM30.90 5kg	https:// www.edisi9.com.my/2022/11/harga-maksimum-minyak-masak-botol-turun/	EDISI9

3-Nov	Harga maksimum minyak masak botol turun	https://www.theedgemarkets.com/article/two-malaysian-farms-banned-exporting-live-chicken-broilers-singapore?type=malaysia	THEEDGEMARKETS
3-Nov	More than 21,000 helped through Food Bank Siswa programme	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/11/03/more-than-21000-helped-through-food-bank-siswa-programme	THESTAR
3-Nov	Over 21,000 IPT students benefited from Food Bank Siswa programme	https://www.thesundaily.my/local/over-21000-ipt-students-benefited-from-food-bank-siswa-programme-CJ10080255	THESUNDAILY
3-Nov	KPDNHEP sumbang PerantiSiswa dan Food Bank kepada pelajar UiTM Sarawak	https://suaramerdeka.com.my/kpdnhep-sumbang-perantisiswa-dan-food-bank-kepada-pelajar-uitm-sarawak/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=kpdnhep-sumbang-perantisiswa-dan-food-bank-kepada-pelajar-uitm-sarawak	SUARAMERDEKA
3-Nov	KPDNHEP serbu kapal tangki seleweng diesel	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/11/1019817/kpdnhep-serbu-kapal-tangki-seleweng-diesel	BH
3-Nov	N. Sembilan Domestic Trade Ministry seizes over 65,000 litres of subsidised diesel in Port Dickson	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/11/02/n-sembilan-domestic-trade-ministry-seizes-over-65000-litres-of-subsidised-diesel-in-port-dickson/37081	MALAYMAIL
3-Nov	Sindiket seleweng minyak diesel guna kapal tangki	https://www.kosmo.com.my/2022/11/02/sindiket-seleweng-minyak-diesel-guna-kapal-tangki/	KOSMO
3-Nov	N.Sembilan KPDNHEP seizes over 65,000 litres of subsidised diesel in PD	https://www.thesundaily.my/local/n-sembilan-kpdnhep-seizes-over-65000-litres-of-subsidised-diesel-in-pd-KJ10080309	THEUSNDAILY